

FPP BizNewz

Jan - May 2023

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

BUKIT MERAH
"THE RED FOREST"
PERMATA TERSEMBUNYI DI JERANTUT

TOXIC FRIENDSHIP
WHEN IT'S TIME TO LET GO

GRADUATES
WHO ARE THE URBAN POOR

ARROWS OF THE FAITHFUL
THE IMPORTANCE OF ARCHERY IN ISLAM

**TWIN-TO-TWIN TRANSFUSION
SYNDROME (TTTS)**



Publication Date
1 June 2023

PENDAKIAN BUKIT TOK GUNUNG: TRANS BUKIT KABUNG - BATU PUTIH

pendakian bukit tok gunung

765 mdpl

trans bukit kabung - batu putih

1Siti Rapidah Omar Ali, 1Zuraini Jusoh, dan 2Mazratul Firdaus Mohd Zin
1Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu
2Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu
Emel koresponden: sitirapidah@uitm.edu.my



Pendakian kami yang disertai oleh lebih kurang 15 orang bermula seawal jam 8:30 pagi. Sesi pendakian dimulakan dengan bacaan doa oleh seorang rakan pendaki senior dan diikuti dengan sedikit aktiviti regangan sebelum memulakan pendakian. Bagi pendaki yang baru berjinak-jinak dengan aktiviti mendaki ini, trek Bukit Tok Gunung dirasakan agak sukar kerana terdapat banyak laluan yang pacak. Pendakian ke puncak Tok Gunung dengan jarak lebih kurang 7 ke 8 kilometer memakan masa lebih kurang dua hingga dua setengah jam bergantung kepada stamina pendaki. Untuk sampai ke puncak Tok Gunung, kami perlu melalui beberapa bukit iaitu Bukit Kabung dan Bukit Batu Putih. Terdapat trek dengan jalan balak yang banyak ditumbuhi resam sepanjang perjalanan. Banyak juga terdapat spesies periuk kera dan orkid sepanjang pendakian ke puncak.

Bukit Tok Gunung adalah salah satu bukit yang agak popular di Hulu Terengganu. Walaupun bukit ini tidak terkenal dan menjadi tumpuan seperti bukit-bukit lain di Terengganu mahupun di luar Terengganu, namun pendakian ke sini agak mencabar. Dengan ketinggian 765 meter dari aras laut, bukit yang terletak di Kampung Jenagor, Kuala Berang, Hulu Terengganu ini berada di dalam hutan simpan kekal.



eISSN 2600-9811



Pengalaman yang paling tidak dapat dilupakan semasa mendaki bukit ini ialah kehadiran pacat yang sangat banyak sebaik sahaja bermula pendakian hinggalah ke puncak bukit. Mungkin disebabkan keadaan tanah yang lembab akibat hujan pada malam sebelumnya membuatkan pacat berlumba-lumba untuk keluar mencari mangsa. Kami seakan-akan diserang bertubi-tubi dengan 'tentera' pacat di sepanjang pendakian.

Bukan setakat hinggap di kaki dan tangan malah sampai ke dalam baju. Arrrghhhhhh!!! Betul-betul stress dengan pacat. Memang serik kalau dikenangkan kembali pengalaman berdepan dengan pacat yang luar biasa banyaknya di sini pada ketika ini. Namun, semangat untuk terus mendaki masih belum luntur dek serangan pacat dan keinginan untuk sampai ke puncak masih berkobar-kobar. Sampai di puncak Tok Gunung, kami mengambil kesempatan untuk berehat sambil menikmati panorama di puncak bukit dan menjamah bekalan makanan yang dibawa.



Trek yang kami lalui juga mempunyai Air Terjun Olak Lintang yang sangat cantik dan mempesonakan. Kumpulan kami sempat singgah berehat untuk makan dan solat di kawasan air terjun ini semasa perjalanan pulang. Sememangnya keindahan alam semulajadi sebeginilah yang selalu dinantikan oleh setiap pendaki. Adalah menjadi satu bonus jika bertemu dengan kawasan air terjun cantik seperti ini selain menikmati keindahan panorama di puncak bukit. Kepuasannya adalah sesuatu yang luar biasa. Kami juga tidak melepaskan peluang untuk mengambil gambar di kawasan air terjun ini untuk kenangan.

Secara kesimpulannya, pendakian ke Bukit Tok Gunung adalah satu pengalaman baru bagi kami yang masih baru berjinak-jinak dalam aktiviti mendaki. Persediaan mental, fizikal, stamina dan juga sedikit latihan adalah perlu untuk pendakian ke sini. Semoga bertemu lagi untuk pendakian ke destinasi berikutnya.



BizNewz 2023
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com